

MEI 2024 / BIL. 11 / 2024

# EON

Epitome of Nature

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN



MAJALAH PP BIOLOGI  
UITMCNS

ISSN 2773-5869



## FASCIOLIASIS: PENYAKIT CACING HATI YANG ZONOTIK

Nurhamimah Zainal Abidin

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan,  
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah,  
Negeri Sembilan

[nurhamimah@uitm.edu.my](mailto:nurhamimah@uitm.edu.my)

EDITOR: DR. NOR'AISHAH ABU SHAH

Fascioliasis merupakan penyakit yang dibawa oleh cacing pipih (trematoda) genus *Fasciola sp.* yang mempunyai dua spesies utama iaitu *Fasciola hepatica* dan *Fasciola gigantica*. Dari segi fisiologi cacing, *F. gigantica* dewasa lebih panjang, memiliki penghisap ventral lebih besar, testis anterior lebih banyak berbanding *F. hepatica*, namun morfologi telur tidak membezakan antara kedua spesies ini. Parasit *Fasciola sp.* ini boleh memberi jangkitan kepada haiwan ternakan ruminansia seperti lembu, dan kini jangkitan kepada manusia semakin berleluasa. *Fasciola sp.* juga dikenali sebagai cacing hati kerana cacing ini menyerang organ hati dan dikenali sebagai 'liver fluke'. Namun, terdapat beberapa laporan jangkitan fascioliasis secara ektopik di kawasan organ yang lain seperti di paru-paru, pankreas, saluran kencing, mata dan juga otak. Dari sudut epidemiologi, penyebaran *Fasciola sp.* ini berkait rapat dengan iklim tropika basah seperti di negara-negara Asia dan Afrika. Penyakit berjangkit seperti fascioliasis ini menjejaskan sektor ekonomi ternakan dan

merugikan penternak kerana jangkitan ini menyebabkan penurunan susu, kualiti daging dan pembiakan haiwan.


Selain daripada haiwan ternakan seperti lembu dan kambing, haiwan-haiwan lain yang pernah dilaporkan dijangkiti cacing hati *Fasciola sp.* termasuklah kuda, babi, anjing dan rusa. Pembiakan cacing ini juga melibatkan induk sementara iaitu siput *Lymnae sp.*, yang kemudiannya berkembang menjadi serkaria atau metaserkaria dan menempel pada tanaman air seperti

kangkung, dan selada air. Jangkitan akan terjadi apabila haiwan atau seseorang makan sayuran air yang terkontaminasi oleh parasit tersebut secara mentah. Parasit ini kemudiannya akan masuk melalui saluran pencernaan, rongga perut, dan juga hati, yang tumbuh menjadi cacing dewasa dan menghasilkan telur yang dikeluarkan melalui najis. Sumber air yang terkontaminasi dengan telur cacing tersebut dan kehadiran siput *Lymnae sp.* akan menyempurnakan pembiakan cacing parasit ini seterusnya.

Bukan hanya pada haiwan, penyakit cacing hati ini juga boleh menjangkiti manusia kerana sifatnya zoonotik. Jangkitan fascioliasis pada manusia terdapat dua fasa isaitu fasa akut dan fasa kronik dimana gejala-gejala jangkitan antaranya ialah sakit abdomen terutama di sekitar hati, demam, muntah, penurunan berat badan secara signifikan dan pembengkakan hati. Untuk



Gambar 1: Cacing hati *Fasciola sp.* yang berbentuk seperti daun (Sumber: Centers for Disease Control and Prevention (CDC) <https://www.cdc.gov/dpdx/fascioliasis/index.html>)



Gambar 2: Kitaran hidup parasit Fasciola  
(Sumber: Centers for Disease Control and Prevention (CDC)  
<https://www.cdc.gov/dpdx/fascioliasis/index.html>)

mendiagnosis jangkitan ini, pemeriksaan darah akan dilakukan untuk mengesan antibodi atau antigen yang spesifik untuk parasit *Fasciola sp.* Pensampelan najis juga akan diambil untuk melihat kehadiran telur cacing di bawah mikroskop. Selain itu, pemeriksaan ultrasonografi pada organ hati juga membantu untuk melihat kerosakan atau perubahan pada organ tersebut. Antara rawatan yang diberikan untuk mengatasi jangkitan fascioliasis adalah dengan ubat antiparasit triclabendazole secara oral yang akan mengganggu pertumbuhan dan reproduksi cacing *Fasciola*. Antara komplikasi jangkitan fascioliasis adalah penyakit fibrosis hati, cholangitis, anemia dan obstruksi pada saluran hempedu.

Di Malaysia, prevalens jangkitan fascioliasis dalam

haiwan ternakan dicatatkan agak tinggi sehingga 97%. Beberapa negeri yang pernah melaporkan kes jangkitan fascioliasis adalah Perak, Selangor, Kelantan, Pahang dan Terengganu.

Data ini diperoleh dengan pemeriksaan telur cacing pada feces atau pengamatan postmortem pada bangkai ternak atau di rumah sembelih dan di pasar-pasar untuk memeriksa cacing *Fasciola sp.* pada organ hati secara langsung. Setakat ini hanya satu kes fascioliasis pada manusia yang dilaporkan di Malaysia yang dikategorikan sebagai kes tempatan kerana pesakit tidak mempunyai sejarah melancong ke negara yang endemik dengan jangkitan ini. Walau bagaimanapun, cacing hati ini dijumpai di bahagian payudara pesakit yang merupakan jangkitan ektopik. Walaupun

jangkitan fascioliasis pada manusia jarang membawa kepada kematian, namun jika lambat dirawat boleh mendatangkan kemudaratan yang besar kepada pesakit. Antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk mencegah jangkitan adalah dengan memastikan tanaman air dimasak terlebih dahulu atau dicuci sebaiknya sebelum makan. Penduduk juga harus mengelakkan menggunakan air yang telah dicemari dengan najis haiwan untuk tanaman atau sayuran. Selain itu, masyarakat juga perlu mengelakkan makan daging atau organ hati yang tidak masak dengan sempurna. Kesedaran kepada masyarakat mengenai risiko dan langkah-langkah pencegahan terutama di kawasan yang diketahui terdapat parasit ini sedikit sebanyak membantu mengurangi penyebaran parasit ini.